

03 NOV 2002

PAS-BN

NIK AZIZ TOLAK PELAWAAN UNTUK PAS SERTAI BN

KOTA BAHARU, 3 Nov (Bernama) -- Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menolak pelawaan terbuka Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua parti pembangkang menyertai Barisan Nasional (BN).

Katanya pemimpin PAS tidak perlu berbincang berhubung jemputan terbuka itu dan sebaliknya PAS yang kini menguasai kerajaan Kelantan dan Terengganu, mahu membuat tawaran balas supaya semua parti komponen BN menyertai PAS bagi parti Melayu manakala parti bukan Melayu menyertai Parti Keadilan Nasional.

"Bagi saya kalau masuk BN tak perlu dibincang dan saya marah kalau ada di antara kawan-kawan (pemimpin PAS dan parti pembangkang) yang nak bincang perkara macam ini," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN semalam membuat jemputan kepada parti pembangkang supaya menyertai BN bagi sama-sama membangunkan negara selain bersatu menghadapi musuh luar.

Perdana Menteri berkata BN bersedia berkongsi kuasa sekiranya mereka menyertai gabungan itu secara ikhlas.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata PAS enggan menyertai Umno yang menerajui BN kerana parti itu dianggapnya tidak telus malahan gagal membantu orang Melayu dan agama Islam.

"PAS sendiri telah masuk BN dalam tahun 70an dan kami telah ditendang dengan cara yang begitu memalukan. Saya masih terasa pahit-pahit tindakan yang dibuat oleh Umno (waktu itu)," katanya.

Nik Aziz berkata dalam keadaan Umno kini kehilangan sokongan daripada parti-parti Cina, PAS pula dalam tempoh yang sama telah menunjukkan sikap terbuka hingga berjaya menarik perhatian masyarakat Cina.

"Umno atau BN tidak telus menyebabkan parti-parti Cina mulai celaru, mulai buat karenah kerana orang Cina dididik dengan politik terbuka. Bila dia berdepan dengan Umno yang begitu sekali tak telus mereka buat masalah," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang menyifatkan pelawaan Perdana Menteri itu sebagai satu usaha melemahkan pembangkang.

Beliau percaya pelawaan itu dibuat ketika BN semakin lemah dan berada dalam keadaan terdesak sehingga perlu mengambil pendekatan baru dalam hal itu.

Abdul Hadi juga menyifatkan pelawaan itu sebagai menandakan kegagalan BN untuk mengukuhkan kedudukan negara bagi menghadapi ancaman musuh dari luar.

Di KUALA LUMPUR, Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM) Dr Syed Husin Ali turut mendakwa pelawaan Dr Mahathir itu bertujuan memecah-belahkan pembangkang terutama PRM dan Keadilan yang mahu bercantum.

Sekiranya Dr Mahathir benar-benar mahu semua rakyat bersatu untuk menentang cabaran serangan asing dan menumpu kepada pembangunan negara serta rakyat, langkah terbaik yang harus diambil ialah untuk memulakan proses bagi membentuk sebuah Kerajaan Perpaduan Nasional, katanya dalam satu kenyataan.

Untuk tujuan ini, PRM mencadangkan supaya Perdana Menteri mengundang secara rasmi semua parti, yang berdaftar dan menunggu pendaftaran, badan-badan bukan kerajaan dan tokoh-tokoh masyarakat yang dihormati untuk duduk bersama membincangkan perkara itu.

-- BERNAMA

RAR AYB SN ZS RON